

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 APRIL 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia bersedia jadi pengeksport biogas terbesar Asia	BERNAMA
2.	Malaysia bersedia jadi pengeksport biogas terbesar Asia	Berita RTM
3.	Malaysia mahu digelar hab biogas	Utusan Malaysia
4.	Malaysia poised to be Asia's biggest biogas exporter	BERNAMA
5.	Malaysia poised to be Asia's biggest biogas exporter	The Star Online
6.	BiotechCorp perbanyak syarikat BioNexus bumiputera	Utusan Malaysia
7.	Nanoteknologi cetus potensi berskala besar	Berita Harian
8.	Sektor aeroangkasa realisasikan sasaran PNK	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
BERNAMA.COM
TARIKH : 29 APRIL 2015 (RABU)



Malaysia Bersedia Jadi Pengeksport Biogas Terbesar Asia

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Malaysia dijangka menjadi pengeksport dan hab biogas terbesar di Asia masing-masing pada 2020 dan 2030, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.**

Beliau berkata Malaysia mempunyai potensi dalam memanfaatkan sumber biogas untuk menjadi pusat ekosistem bioindustri global.

"Pada masa ini, kita mempunyai kira-kira lima juta hektar tanah kelapa sawit, jadi pada 2020, kita akan mampu menggandakan pendapatan kepada kira-kira RM20 bilion.

"Sasaran itu adalah untuk menunjukkan peningkatan taraf biogas yang berdaya maju daripada sisa kilang minyak sawit (POME) kepada biometan, yang boleh digunakan sebagai bahan api kereta atau kegunaan lain industri," katanya pada Forum Biogas Asia Pasifik 2015 di sini hari ini.

Penggunaan bioteknologi dalam industri biogas akan meningkatkan pengeluaran dengan ketara dan industri dijangka berkembang kepada RM8.3 bilion pada 2022 daripada RM1.46 bilion pada 2015, katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Biotechnology Corporation (BiotechCorp) Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata sebagai agensi pembangunan utama dalam industri bioteknologi, syarikat berkenaan telah melangkah maju untuk mempelopori pembangunan biogas.

"Mengikut Program Transformasi Bioekonomi dengan projek untuk menukar sisa dalam bentuk POME kepada tenaga hijau bernilai tambah yang tinggi, kami memajukan sumber tenaga boleh diperbaharui bagi menyumbang kepada bekalan elektrik negara," katanya.

Forum selama tiga hari itu menyaksikan pertukaran dokumen antara Gas Malaysia Bhd, Sime Darby Offshore Engineering Sdn Bhd, Megagreen Energy Sdn Bhd, Technology Nasional Bhd, Felcra Bhd, Felda Global Ventures Holdings Bhd, dan Green and Smart Sdn Bhd.

Mohd Nazlee berkata BiotechCorp berhasrat untuk menggandakan pendapatan bagi syarikat-syarikat berstatus BioNexus tahun ini daripada 10 peratus pertumbuhan yang dicapai pada tahun lepas.

Pada 2014, syarikat-syarikat BioNexus mencatatkan peningkatan 10 peratus dalam pendapatan kepada RM1.29 bilion daripada RM1.17 bilion pada 2013.

-- BERNAMA

BERITA RTM

Malaysia Bersedia Jadi Pengeksport Biogas Terbesar Asia

Kuala Lumpur - Malaysia dijangka menjadi pengeksport dan hab biogas terbesar di Asia masing-masing pada 2020 dan 2030, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

Beliau berkata Malaysia mempunyai potensi dalam memanfaatkan sumber biogas untuk menjadi pusat ekosistem bioindustri global.

"Pada masa ini, kita mempunyai kira-kira lima juta hektar tanah kelapa sawit, jadi pada 2020, kita akan mampu menggandakan pendapatan kepada kira-kira RM20 bilion.

"Sasaran itu adalah untuk menunjukkan peningkatan taraf biogas yang berdaya maju daripada sisa kilang minyak sawit (POME) kepada biometan, yang boleh digunakan sebagai bahan api kereta atau kegunaan lain industri," katanya pada Forum Biogas Asia Pasifik 2015.

Penggunaan bioteknologi dalam industri biogas akan meningkatkan pengeluaran dengan ketara dan industri dijangka berkembang kepada RM8.3 bilion pada 2022 daripada RM1.46 bilion pada 2015, katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Biotechnology Corporation (BiotechCorp) Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata sebagai agensi pembangunan utama dalam industri bioteknologi, syarikat berkenaan telah melangkah maju untuk memelopori pembangunan biogas.

"Mengikut Program Transformasi Bioekonomi dengan projek untuk menukar sisa dalam bentuk POME kepada tenaga hijau bernilai tambah yang tinggi, kami memajukan sumber tenaga boleh diperbaharui bagi menyumbang kepada bekalan elektrik negara," katanya.

Mohd Nazlee berkata BiotechCorp berhasrat untuk menggandakan pendapatan bagi syarikat-syarikat berstatus BioNexus tahun ini daripada 10 peratus pertumbuhan yang dicapai pada tahun lepas.

Pada 2014, syarikat-syarikat BioNexus mencatatkan peningkatan 10 peratus dalam pendapatan kepada RM1.29 bilion daripada RM1.17 bilion pada 2013.

